



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

MAJLIS PELANCARAN GARIS PANDUAN AMALAN HIJAU OLEH YB TUAN NIK NAZMI

1. YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah merasmikan majlis “Pelancaran Garis Panduan Amalan Hijau” pada hari ini di Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC), Bangi. Turut hadir bersama YB Dato’ Sri Huang Tiong Sii, Timbalan Menteri, wakil-wakil dari Kementerian serta Ketua Pegawai Eksekutif MGTC, Encik Shamsul Bahar Mohd Nor.
2. Pembangunan Garis Panduan Amalan Hijau ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan ke arah memacu Penggunaan & Pengeluaran Mampan (SCP). Dokumen ini menjadi panduan kepada pengeluar dan pembekal tempatan terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam mengurangkan impak operasi perniagaan mereka ke atas alam sekitar. Usaha ini adalah selaras dengan halatuju pelaksanaan Dasar Teknologi Hijau Negara serta Pelan Induk Teknologi Hijau Negara (GTMP).
3. Di peringkat awal, Garis Panduan Amalan Hijau telah dibangunkan untuk lapan (8) sektor industri utama iaitu Sektor Pembuatan, Sektor Pembinaan, Sektor Perlombongan, Sektor Pertanian dan Perladangan, Sektor Penternakan, Sektor Perkhidmatan, Sektor Operasi Hutan dan Sektor Perikanan. Sejumlah 8 sesi libat urus bersama Kementerian, pemain industri dan sektor awam telah diadakan dalam membangunkan garis panduan ini. Sebanyak 19 sesi latihan kepada 497 orang peserta juga telah diadakan sebagai pendedahan awal berkaitan pengurusan dan operasi berpandukan Garis Panduan Amalan Hijau yang telah dibangunkan ini.
4. Dalam penyampaian amanat beliau semasa lawatan kerja ke MGTC, YB Menteri yakin garis panduan ini dapat membantu industri, syarikat dan organisasi bersama-sama mencapai matlamat SDG 12.6 iaitu menggalakkan pihak industri menggunakan amalan mampan dan menyepadukan maklumat kemampanan ke dalam kitaran laporan mereka.
5. Beliau juga menyeru pihak syarikat supaya meningkatkan produktiviti dan keuntungan jangka panjang melalui elemen alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dan memastikan syarikat memberi fokus untuk mengurangkan impak negatif terhadap alam sekitar. Kerajaan terus komited untuk memenuhi komitmen *Nationally Determined Contributions (NDC)* di bawah Perjanjian Paris dan untuk mencapai aspirasi pelepasan gas rumah kaca sifar bersih seawal-awalnya tahun 2050, tertakluk kepada pembangunan Strategi Jangka Masa Panjang Pembangunan Rendah Karbon (LT-LEDS).
6. Maklumat lanjut berkenaan Garis Panduan Amalan Hijau boleh didapati daripada MGTC.

- Tamat -

Ts. Shamsul Bahar Mohd Nor.
Ketua Pegawai Eksekutif, MGTC

15 Disember 2022